

18 JUN 1998

Wanita-Bahas (Ekonomi)

BUMIPUTERA MESTI CAPAI PEMILIKAN 30 PERATUS

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Masyarakat bumiputera perlu terus berazam untuk memiliki 30 peratus atau lebih kepentingan ekonomi negara walaupun menghadapi kegawatan sekarang.

Wakil Wanita UMNO Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dr Noridah Ibrahim semasa perbahasan ucapan dasar Ketua Pergerakan Wanita UMNO berkata dasar penyertaan bumiputera dalam bidang ekonomi itu tidak boleh gagal disebabkan sikap bumiputera sendiri.

"Pada tahun 2020, kita tidak mahu dengar alasan bumiputera gagal disebabkan sikap negatif orang Melayu yang tidak boleh diubah," katanya pada perhimpunan pergerakan itu di sini.

Beliau juga berkata pemimpin-pemimpin tidak boleh dipersalahkan atas berlakunya kegawatan ekonomi sekarang.

"Sepatutnya proses pengesanan dan pengimbangan diwujudkan terlebih dahulu sebelum berlakunya kegawatan ekonomi sekarang," katanya.

Pelancaran Amanah Saham Wanita (Asnita) oleh pergerakan itu membuktikan kuasa ekonomi wanita, kata Dr Noridah, malah beliau yakin wanita boleh memainkan peranan yang lebih penting dalam kegawatan ekonomi sekarang.

Wakil Perak, Abashah Othman, menghargai ketabahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani masalah ekonomi negara dengan menggunakan acuan sendiri tanpa meminta "sedekah" daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Wakil Kelantan Halimah Haji Ahmad pula berkata UMNO harus berani menyesuaikan jentera parti dengan keadaan ekonomi semasa dan mengambil langkah berani untuk mengatasinya.

Wakil Pulau Pinang Jumma Bee Mohamad berkata krisis kewangan yang berlaku sekarang menguji kekuatan Malaysia sebagai satu bangsa.

Menurutnya krisis itu juga menguji sikap bangsa terhadap kebendaan, sama ada kekuatan bangsa akan hilang jika hilang aspek kebendaan itu.

Wakil Selangor Norhayati Datuk Onn berkata kegawatan ekonomi harus dianggap sebagai ujian Tuhan dan sebarang ujian hendaklah dihadapi dengan sabar.

Beliau berkata keadaan ekonomi yang melanda sekarang adalah hasil eksploitasi kuasa ekonomi yang iri hati terhadap kemajuan negara.

"Kekuatan minda dan jiwa adalah benteng yang kuat untuk kita menghadapi mereka," katanya.

Wakil Perlis Rahmah Haji Ali mencadangkan pergerakan itu menubuhkan institut latihan perniagaan yang khusus bagi wanita.

-- BERNAMA

SHO NMO